

17 MAY 2001

SEORANG TERBUNUH, EMPAT TERMASUK KANAK-KANAK TIGA TAHUN CEDERA

JOHOR BAHRU, 17 Mei (Bernama) -- Seorang wanita terbunuh dan empat yang lain termasuk suami dan anak perempuannya cedera dalam kemalangan membabitkan dua buah kereta dan sebuah motosikal di kilometer 8.3 Jalan Tun Abdul Razak, Bandar Baru Uda di sini hari ini.

Mangsa yang terbunuh ialah sebagai Norli Sabtu, 36 dari Kampung Melayu Pandan dekat sini.

Ketua Jabatan Ketenteraman Awam dan Trafik Daerah, DSP Abdul Halim Abdullah berkata mereka yang cedera pula ialah suami Norli, Azman Shah Mazlan, 27, anak perempuan mereka, Nurul Eya Ashikin, 3, Mahat Abdullah, 40 dan Leong Sek Loon, 44.

Kesemua yang cedera itu telah dimasukkan ke Hospital Sultanah Aminah.

Kemalangan pada kira-kira pukul 3 petang itu berlaku apabila kereta yang dipandu Leong terbabas ke sebelah kanan jalan lalu merempuh kereta yang dipandu Norli dan motosikal yang ditunggang Mahat, katanya.

-- BERNAMA

RAM MOZ